


PALSI BELL BUKANLAH STROK



Bell's Palsy atau palsi Bell merupakan penyakit yang melibatkan kerosakan pada satu saraf muka, iaitu saraf fasial (saraf kranial VII). Teras dari saraf VII berada di batang otak dan berfungsi untuk mengatur

pergerakan pada otot muka antara lainnya di kawasan mulut. Pada mata, saraf ini juga mengatur pergerakan kelopak mata seperti memejamkan mata, pergerakan bola mata serta mengatur aliran air mata. Saraf ini juga

mempunyai serabut yang menuju ke kelenjar lidah dan pendengaran.

Pada kes palsi Bell, gangguan pada saraf ini menyebabkan keadaan tidak dapat mengawal impuls motor kepada otot kerana tersumbat akibat

pembengkakan. Sebagai akibatnya, otot-otot pada organ yang berkaitan dengan saraf tersebut menjadi tidak berfungsi dan organ turut menjadi lumpuh. Dengan kata lain, penyakit ini disebabkan oleh kerosakan saraf yang mengawal otot muka dan menjadikan muka terasa berat sebelah, yakni tiada reaksi otot atau keadaan kaku untuk kawalan ekspresi muka. Kerosakan saraf ini biasanya berlaku apabila saraf menjadi bengkak atau radang kerana jangkitan dengan virus.

Di samping itu, mata pesakit akan sukar untuk ditutup atau berkelip dan pada kebiasaannya hanya menyerang satu sisi muka sama ada di sebelah kiri ataupun sebelah kanan. Masalah kerosakan saraf ini juga mungkin boleh mengakibatkan pesakit kehilangan deria rasa, masalah pengeluaran air mata dan air liur. Keadaan ini akan datang secara tiba-tiba dan bagi kebanyakan orang dan bersifat sementara, namun terdapat sesetengah orang yang akan mengalaminya seumur hidup.


Menurut pendapat doktor pakar, penyakit ini boleh berlaku dalam masa semalaman sahaja dan berkemungkinan mengambil masa beberapa minggu

untuk kembali kepada keadaan normal, bergantung pada tahap keseriusan masalah saraf yang dihadapi. Kebanyakan pesakit akan pulih dalam tempoh dua bulan hingga tiga bulan. Penyakit ini boleh menyerang sesiapa sahaja termasuk kanak-kanak tetapi lazimnya berlaku dalam kalangan mereka berusia antara 15 tahun hingga 60 tahun.

Faktor penyebab terjadinya palsy Bell masih lagi kurang jelas. Walau bagaimanapun, kebanyakan kes adalah berkemungkinan disebabkan oleh jangkitan virus. Sesiapa sahaja berisiko untuk menghadapi palsy Bell dan kesannya kepada lelaki dan wanita adalah sama. Banyak antara kita yang tersalah anggapan dengan menyangka palsy Bell adalah sama dengan strok tetapi sebenarnya hal ini adalah tidak benar. Pada kebiasaannya, strok menunjukkan simptom yang lebih cepat berbanding dengan palsy Bell yang mungkin mengambil lebih daripada 48 jam untuk menunjukkan tandanya.

Kebanyakan pesakit palsy Bell akan pulih selepas mendapatkan rawatan intensif yang berkaitan dengan saraf berkenaan. Penyakit ini akan

Simptom palsy Bell termasuklah muka senget sebelah terutama mata dan mulut tidak simetri, tidak dapat menutup mata dengan rapat, otot muka berkerut tanpa kawalan, air liur meleleh disebabkan bibir yang tidak dapat ditutup dengan rapat dan mata serta mulut terasa kering.




Ujian fungsi saraf muka bermula dengan penilaian simetri wajah pesakit ketika dalam ekspresi muka spontan.

memberikan kesan yang berbeza antara seseorang pesakit dengan pesakit yang lain, iaitu kelumpuhan yang dialami mungkin pada tahap ringan atau lebih ketara dan serius. Berikutan gangguan saraf muka ini, otot muka tidak mendapat rangsangan daripada otak dan menjadi lumpuh.

Simptom palsy Bell termasuklah muka senget sebelah, terutama mata dan mulut tidak simetri (*drooping face*), tidak dapat menutup mata dengan rapat, otot muka berkerut tanpa kawalan, air liur meleleh disebabkan bibir yang tidak dapat ditutup dengan rapat dan mata serta mulut terasa kering. Pesakit juga akan hilang keupayaan untuk merasa di bahagian hadapan lidah (*impairment of taste*), sensitif terhadap bunyi yang kuat, akan mengalami pening kepala, pertuturan menjadi kurang jelas, bermasalah dalam sebutan perkataan yang bermula dengan huruf P dan mengalami kesusahan untuk makan serta minum.

Prosedur MRI boleh dilakukan untuk mengetahui penyebab munculnya tekanan pada saraf wajah. Di samping itu, doktor boleh menjalankan lebih banyak ujian khas seperti EMG.

Secara amnya, palsy Bell melibatkan kelumpuhan sebelah muka tetapi boleh melumpuhkan kedua-dua belah muka juga. Walau bagaimanapun, keadaan ini amat jarang-jarang berlaku, iaitu



Prosedur MRI.

sekitar satu peratus kes sahaja. Punca serangan ini masih belum dapat lagi dikenal pasti tetapi terdapat beberapa faktor risiko serangan, antaranya termasuklah diabetes dan jangkitan saluran pernafasan. Jangkitan virus pada saraf menyebabkan keradangan dan bengkak, sekali gus menyebabkan saraf gagal dan tidak berfungsi dengan sempurna.

Dalam beberapa kes, pesakit palsy Bell berupaya sembuh dengan sepenuhnya tanpa sebarang rawatan. Lazimnya tempoh rawatan untuk sembuh mengambil masa antara 14 hari hingga enam bulan. Pesakit akan menjalani sesi fisioterapi untuk melakukan urutan serta senaman muka bagi tujuan membantu otot berfungsi dengan sempurna.

Lebih beruntung lagi, ada dalam kalangan pengidap penyakit palsy Bell yang boleh sembuh dengan sendirinya, setelah melalui masa akut selama tujuh hari. Pada masa tersebut, jika pesakit mendapatkan terapi kortikosteroid, berkemungkinan pesakit akan sembuh sepenuhnya dengan lebih cepat

dan tanpa meninggalkan sebarang kecacatan. Antara selebriti ternama yang dikaitkan dengan penyakit ini ialah Sylvester Stallone, Pierce Brosnan, Angelina Jolie, George Clooney, Rano Karno, Nita Thalia dan Sam Bailey.

Seperti penyakit strok, pesakit palsy Bell juga disyorkan ditangani dalam tempoh 72 jam kerana kajian menunjukkan hasil klinikal yang buruk akan berlaku jika ditangani selepas 72 jam. Doktor akan mengkaji sejarah rawatan telinga, hidung, dan mulut serta akan menyorkan supaya dijalankan imbasan otak dengan menggunakan Tomografi Berkomputer (CT) atau Pengimejan Resonans Magnetik (MRI), ditambah lagi dengan ujian darah untuk mencari punca palsy Bell.

Prosedur CT dilakukan untuk mengetahui keadaan lain yang menyebabkan gejala yang dialami bertujuan untuk mengetahui sama ada terdapat jangkitan ataupun tumor. Prosedur ini juga dapat mengesan jika ada keretakan tulang pada wajah. Sementara itu, prosedur MRI boleh dilakukan untuk mengetahui penyebab munculnya tekanan pada saraf wajah. Di samping itu, doktor boleh menjalankan lebih banyak ujian khas seperti elektromiografi (EMG), iaitu pemeriksaan ini berguna untuk mengukur aktiviti elektrik daripada otot dan saraf. Maklumat yang diperoleh daripada alat ini boleh digunakan untuk mengetahui sama ada terdapat kecederaan ataupun kerosakan saraf serta untuk mengkaji aktiviti saraf dan meramal peluang penyembuhan.

Terdapat beberapa keadaan lain yang boleh menyebabkan dan menunjukkan gejala yang sama dengan palsy Bell, antaranya termasuklah (1) tumor apabila berlaku pertumbuhan sel yang abnormal sekitar wajah dan leher; (2) strok, yakni masalah kesihatan yang disebabkan oleh salur darah tersumbat dan bekalan darah ke sebahagian otak terganggu; (3) sindrom Moebius yang melibatkan keadaan yang sangat jarang-jarang terjadi dan muncul sejak lahir; (4) infeksi telinga tengah, iaitu keadaan yang cukup umum yang terjadi pada kanak-kanak disebabkan oleh

jangkitan bakteria atau virus; (5) penyakit Lyme, yakni jangkitan yang disebabkan oleh bakteria yang disebarkan oleh kutu; (6) kecederaan kepala, iaitu keadaan yang boleh terjadi pada semua orang akibat pukulan, terjatuh atau trauma; serta (7) kolesteatoma penumbuhan kulit abnormal yang terdapat di telinga bahagian tengah.

Pada kebiasaannya, doktor akan memeriksa kepala, telinga dan leher lalu diikuti dengan pemeriksaan otot muka untuk memastikan sama ada hanya saraf muka yang terlibat ataupun tidak. Jikalau doktor mendapati tidak ada masalah lain, maka pesakit didiagnosis mempunyai gejala akibat palsi Bell.

Walaupun penyebab penyakit ini belum dapat dikenal pasti, beberapa kajian menunjukkan bahawa penyakit ini berkaitan rapat dengan jangkitan virus. Ada beberapa virus yang boleh menyebabkan palsi Bell, iaitu herpes kelamin (herpes simplex); cacar air dan sirap (herpes zoster); monosit (Epstein-Barr); penyakit pernafasan (adenovirus); campak Jerman (rubella); gondok (virus gondok); influenza (flu B) dan HFMD (coxsackievirus).

Faktor lain yang dikenal pasti menyumbang kepada palsi Bell ialah genetik, iaitu sejarah dalam keluarga yang pernah mengalami palsi Bell. Daripada kajian kes beberapa orang pesakit, dapatan menunjukkan palsi Bell mempunyai hubungan yang erat dengan suhu dan udara yang dingin. Beberapa faktor yang meningkatkan risiko terkena palsi Bell ialah wanita hamil, terutama semasa kehamilan pada trimester terakhir atau pada beberapa minggu pertama setelah melahirkan bayi, jangkitan pernafasan, seperti influenza dan penyakit diabetes.


Latihan atau senaman muka akan membantu pesakit untuk menguatkan otot tertentu pada muka dan perlu dilakukan sebanyak empat hingga lima kali sehari di depan cermin atau mengikut nasihat fisioterapi. Cermin memainkan peranannya bagi membantu mengelakkan otot muka yang tidak lemah menguasai sebelah otot muka yang lemah. Senaman muka yang dilakukan adalah untuk melatih otot supaya informasi

diberikan kepada otot muka untuk bergerak. Hal ini akan membantu untuk kembali menggunakan otot muka dan pulih daripada palsi Bell. Senaman muka untuk palsi Bell melibatkan beberapa otot muka yang berlainan.

Antara rawatan fisioterapi, selain senaman muka, ialah stimulasi elektrik yang perlu dilakukan dengan bantuan fisioterapi. Stimulasi elektrik merupakan penggunaan sedikit elektrik untuk merangsang otot muka yang lemah. Kaedah ini dapat membantu penghantaran rangsangan kepada otot. Ketika mengalami palsi Bell, otot muka akan berada dalam keadaan lemah, maka stimulasi elektrik adalah sangat penting untuk merangsang pergerakan otot muka. Urutan muka juga boleh dilakukan sebagai salah satu rawatan yang lain. Antara teknik urutan yang boleh dilakukan termasuklah urut usap, menguli, meretas, mengetuk dan membelai dengan jari atau ibu jari. Selain itu, antara rawatan yang lain termasuklah rawatan haba untuk mengurangkan sakit pada kawasan otot muka yang lemah, minum dengan menggunakan straw dan makan pada sebelah muka yang berasa lebih selesa.

Langkah berjaga-jaga yang penting diambil oleh penghidap palsi Bell adalah untuk memastikan mata sentiasa berada dalam keadaan yang lembap. Pada waktu malam, disarankan agar diletakkan satu pad atau tuala putih untuk menutup bahagian mata yang tidak tertutup dengan sepenuhnya. Pada siang hari pula, penghidap bolehlah memakai kaca mata yang sesuai supaya tidak terkena habuk dan kotoran. Ketika makan pula, mereka perlu memastikan makanan dibawa ke sebelah mulut yang selesa supaya makanan itu tidak keluar dari mulut.

Sebagai kesimpulannya, bagi mencegah daripada berlakunya palsi Bell mulai amalan gaya hidup sihat dengan pengambilan makanan yang tinggi serat serta melakukan senaman secara rutin. Pemeriksaan kesihatan secara rutin dan berkala juga perlu dilakukan oleh setiap individu.



Angelina Jolie merupakan antara selebriti yang dikatakan pernah mengalami palsi Bell.